

## ORIGINAL ARTICLE



**MJSSH**  
Muallim Journal of  
Social Science and Humanities

## PENDIDIKAN ETIKA REKA BENTUK DALAM PROGRAM INDUSTRI KREATIF DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

### DESIGN ETHICS EDUCATION FOR CREATIVE INDUSTRIES PROGRAMMES IN MALAYSIAN HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS

**Mohd Afiq Ridhwan Tarmizu** \*<sup>1</sup>  
**Balamuralithara Balakrishan** <sup>2</sup>  
**Muhammad Fadhil Wong Abdullah** <sup>3</sup>

<sup>1</sup> Department of Creative Multimedia, Faculty of Art, Computing and Industry Creative, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaysia : [afiqtarmizu95@gmail.com](mailto:afiqtarmizu95@gmail.com)

<sup>2</sup> Department of Creative Multimedia, Faculty of Art, Computing and Industry Creative, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaysia : [balab@fskik.upsi.edu.my](mailto:balab@fskik.upsi.edu.my)

<sup>3</sup> Department of Creative Multimedia, Faculty of Art, Computing and Industry Creative, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaysia: [fadhil.wong@fskik.upsi.edu.my](mailto:fadhil.wong@fskik.upsi.edu.my)

\*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/185>

#### Abstract

Nowadays, the creative industry is rapidly developing with various technologies and creativity moving forward. However, problems and issues involving ethical aspects are still often seen on social media, television and print media, it clearly shows the lack of values and ethical aspects of the individual in the production of designs. Therefore, this study is conducted to propose the guidelines on ethical education design for creative industry programs in the institutions of higher learning. The objective of this study is to evaluate students' behavior towards design ethics among students of higher education institutions, evaluate teaching practices implemented by educators of higher education institutions as well as to assess challenges related to design ethics faced by creative industry professionals in submitting proposal regarding ethical education guidelines for creative industry programs. This study uses quantitative method which is the survey method in which questionnaires are distributed to respondents. For the sampling of studies, which is stratified sampling that refers to individual specific characteristic features in terms of his/her involvement in the creative industry. The numbers of respondents were 164 for the students, 108 respondents for the teaching staff and 89 respondents were from creative industry professionals. The findings of this study that are based on the mean value and standard deviation from the data collected through the survey study, show that students' behavior on ethical aspects is an important aspect of design ethics. Meanwhile, for the lecturers, the teaching practices implemented show that ethical aspects are a crucial element in the teaching sessions. Next, for the creative industry professionals, ethical aspects are considered as an important element in facing the challenges regarding design

ethics. This is explained through the findings of students, lecturers and creative industry professionals through high recorded mean value. Therefore, it is clear that ethical aspects are a vital element to these three groups. Thus, a guideline on ethical education design for creative industry programs in institutions of higher learning is produced through the findings. Hence, this study provides a module on design ethics education that can be practiced in creative industry programs in Institutions of Higher Learning in Malaysia.

**Keywords:** Ethic Education, Design, Design Ethic, Creative Industries

### Abstrak

Pada masa kini, industri kreatif semakin pesat membangun dengan pelbagai teknologi serta kreativiti yang semakin hari semakin maju ke hadapan, tetapi permasalahan serta isu yang membabitkan terhadap aspek etika masih lagi seringkali dilihat di media sosial, televisyen dan media cetak, ianya jelas menunjukkan kekurangan nilai – nilai dan aspek etika terhadap individu tersebut di dalam penghasilan reka bentuk. Maka, kajian ini dijalankan bagi mengemukakan cadangan garis panduan pendidikan etika reka bentuk bagi program industri kreatif di institusi pengajian tinggi. Objektif kajian ini ialah untuk menilai perilaku pelajar terhadap etika reka bentuk dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi, menilai amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh pendidik institusi pengajian tinggi serta menilai cabaran yang berkaitan dengan etika reka bentuk yang dihadapi oleh professional industri kreatif bagi mengemukakan cadangan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu kaedah tinjauan. Borang soal selidik diagihkan kepada para responden. Persampelan kajian, iaitu persampelan berstrata yang merujuk kepada ciri – ciri spesifik individu dari segi penglibatan dalam bidang industri kreatif. Bilangan responden pula merupakan sebanyak, 164 bagi golongan pelajar, 108 responden bagi golongan tenaga pengajar dan seterusnya bagi profesional industri kreatif pula ialah sebanyak 89 responden. Hasil dapatan kajian ini berdasarkan nilai min dan sisihan piawai daripada data yang dikumpul menerusi kajian tinjauan, ianya menunjukkan bahawa perilaku pelajar mengenai aspek etika adalah merupakan aspek penting terhadap etika reka bentuk. Manakala pensyarah pula, amalan pengajaran yang dilaksanakan menunjukkan aspek etika adalah merupakan elemen yang penting di dalam sesi pengajaran yang dijalankan. Seterusnya, professional industri kreatif, aspek etika adalah merupakan elemen yang penting bagi menangani cabaran yang berkaitan etika reka bentuk yang dihadapi. Ianya dijelaskan melalui hasil dapatan kajian responden pelajar, pensyarah dan profesional industri kreatif melalui catatan bacaan nilai min tinggi dan sangat tinggi pada hasil dapatan kajian ini. Jelas menunjukkan bahawa aspek etika adalah merupakan elemen penting kepada ketiga – tiga golongan ini. Maka, satu garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif di institusi pengajian tinggi telah dihasilkan menerusi dapatan kajian. Justeru itu, kajian ini dapat memberikan satu modul pendidikan etika reka bentuk yang dapat dipraktikkan dalam program industri kreatif di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.

**Kata kunci:** Pendidikan Etika, Reka Bentuk, Etika Reka Bentuk, Industri Kreatif

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 15<sup>th</sup> October 2021, revised 18<sup>th</sup> November 2021, accepted 10<sup>th</sup> December 2021

## Pengenalan

Ferrel (2013)<sup>1</sup> mendapati, pendidikan etika tradisional mengutamakan teori dan analisis, ianya dari segi peraturan, prinsip, serta piawai untuk menentukan sesuatu yang benar dari sudut moral atau juga kesalahan. Berdasarkan kajian, Tomlin (2017)<sup>2</sup> mencadangkan, penambahbaikan dari segi pendidikan etika dapat dicapai dengan cara beralih daripada etika tradisional seterusnya ke arah kurikulum yang mengfokuskan pada etika tingkah laku. Sehubungan dengan itu, etika tradisional perlu dikemaskini iaitu melalui ke arah kurikulum yang berteraskan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif yang mengfokuskan kepada para pelajar di institusi pengajian tinggi dari segi tingkah laku mengenai isu etika yang dihadapi. Maka, melalui kurikulum berteraskan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif ianya membantu menangani permasalahan mengenai isu etika di dalam reka bentuk.

Asas – asas mengenai etika masih tidak dapat ditentukan, ianya memerlukan dari segi sudut *planning theory* dan *planning practice* bagi mewujudkan suasana yang beretika dalam penghasilan reka bentuk, Jonas (2014)<sup>3</sup>. Melalui modul etika iaitu pendidikan etika, yang dilakukan secara positif, ianya bakal mempengaruhi kebolehan para pelajar untuk mengubah tindak balas, terhadap sesuatu permasalahan isu etika tersebut Tomlin (2017)<sup>2</sup>. Justeru, hasil daripada *planning practice* dan *planning theory* mengenai aspek etika. Maka, akan mempengaruhi terhadap kesan positif pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif yang akan mempengaruhi tindak balas pelajar terhadap permasalahan isu etika yang dihadapi.

Oleh itu, Sultoni (2018)<sup>4</sup> menyatakan bahawa etika profesional juga berlaku merujuk kepada pengukuran tingkah laku seseorang itu, hasilnya yang bersumber melalui daripada etika – etika umum yang akan menjadi salah satu panduan perilaku bagi bidang profesional tertentu. Sehubungan dengan itu, etika profesional merupakan tingkah laku seseorang yang merujuk kepada karakter diri seseorang itu. Ianya merujuk, dalam penghasilan sesuatu reka bentuk di dalam bidang industri kreatif yang memberi manfaat serta kesan positif kepada khalayak ramai terutamanya masyarakat, manusia sejagat dan alam sekitar.

Justeru, pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif merupakan pendidikan yang menjerumus ke arah tingkah laku para pelajar di institusi pengajian tinggi terhadap program industri kreatif mengenai aspek etika. Selain itu, Chugh & Bazerman (2007)<sup>5</sup> juga menyatakan bahawa seseorang itu, mungkin atau selalunya gagal dalam mengenal pasti mengenai sesuatu tingkah laku yang merupakan tidak beretika pada individu yang lain. Secara umumnya, etika tingkah laku adalah merupakan pembinaan karakter seseorang yang berkelakuan tidak beretika dan dengan matlamat untuk membentuk seseorang itu kearah melakukan sesuatu keputusan yang beretika Tenbrunsel & Smith-Crowe (2008)<sup>6</sup>. Melalui pendidikan etika ianya membantu dalam proses pembentukan tingkah laku pelajar ke arah tingkah laku yang beretika hasil daripada pendidikan etika yang diterapkan kepada pelajar di institusi pengajian tinggi.

Sehubungan dengan itu, kajian ini merupakan penilaian terhadap perilaku pelajar mengenai aspek – aspek etika reka bentuk dikalangan pelajar. Amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh tenaga pengajar iaitu pensyarah untuk memupuk aspek – aspek etika reka bentuk. Serta juga, cabaran yang dihadapi oleh profesional industri kreatif berkaitan etika reka bentuk. Seterusnya, bagi mengemukakan cadangan garis panduan pendidikan etika reka bentuk bagi program industri kreatif di institusi pengajian tinggi. Ianya, bagi membantu melahirkan pelajar – pelajar institusi pengajian tinggi dalam program industri kreatif yang memiliki aspek – aspek etika serta mempunyai nilai jati diri yang tinggi dalam kalangan pelajar program industri kreatif pada masa

akan datang. Memupuk para pelajar, pensyarah dan juga profesional industri kreatif, mengenai kepentingan elemen ini di dalam skop bidang industri kreatif terhadap penghasilan reka bentuk yang dicipta. Agar ianya memberi kesan positif kepada manusia sejagat dan masyarakat, dari segi kelestarian alam sekitar malah keharmonian agama, budaya dan bangsa yang berbilang kaum di Malaysia. Jelaslah bahawa, pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif adalah merupakan pendidikan yang penting di institusi pengajian tinggi, terutama sekali ialah kepada para pelajar yang merupakan bakal professional industri kreatif dalam mencorakkan bidang industri kreatif pada masa hadapan.

## **Kajian Literatur**

Para pelajar institusi pengajian tinggi merupakan aset kepada negara dalam mencorak arus masa hadapan negara, pada masa yang sama mereka haruslah memiliki aspek - aspek etika yang seiring dengan pembangunan negara. Assheim (2012)<sup>7</sup> mendapati, dasar pendidikan yang akan membantu pelajar mengenai sesuatu prosedur atau komponen yang sesuai dalam meningkatkan kesedaran pelajar. Modul etika secara positifnya mempengaruhi kebolehan pelajar dalam mengenali permasalahan dan mengubah tindak balas kepada permasalahan isu etika dunia nyata kepada projek kumpulan mereka, Tomlin (2017)<sup>2</sup>. Jelaslah bahawa, bagi membina prestasi dan mengembangkan identiti pelajar di institusi pengajian tinggi dalam memastikan proses pembelajaran berlangsung dengan cara yang baik, adalah melalui dasar pendidikan serta modul etika yang positif dalam menangani isu – isu serta permasalahan etika. Hal ini, bertujuan bagi mengenal pasti jati diri pelajar tersebut yang melibatkan dari segi aspek akademik, profesional dan aspek etika, Huda (2017)<sup>8</sup>. Kepentingan pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif adalah penting terhadap aspek akademik. Bagi mengenal jati diri seseorang pelajar tersebut terhadap aspek etika di dalam diri mereka. Bagi melahirkan para pelajar yang profesional bahkan juga beretika di dalam program industri kreatif dan pada masa akan datang.

Di United Kingdom (UK), Hasil daripada kajian, Ferguson (2014)<sup>9</sup> di institusi pengajian tinggi di UK, terdapatnya manifesto yang merangkumi komitmen amalan pertukaran pengetahuan bersama industri, berkongsi sumber dan kemahiran kepada masyarakat dan mendengar serta mempelajari daripada masyarakat. Secara tidak langsung dapat, membantu pelajar dalam menambahkan lagi ilmu pengetahuan bersama komuniti sosial. Polmear (2020)<sup>10</sup> mendapati dalam kajiannya, melalui cara memberitahu kepada pelajar dari segi mencari sumber dan mengenal pasti masalah juga dapat meningkatkan kesedaran mereka tentang implikasi etika fraktur hidraulik dan kepekaan ini menyumbang kepada perkembangan etika. Berdasarkan kajian, Tahalele (2020)<sup>11</sup> menyatakan, selepas pelajar menghadiri kelas pendidikan etika fesyen, mereka mempelajari, mengetahui dan percaya kepentingan etika adalah menjerumus kepada perilaku seseorang yang profesional. Penerokaan aspek permasalahan etika serta menghadiri kelas pendidikan etika, adalah penting dalam melahirkan pelajar – pelajar yang peka akan aspek – aspek etika yang akan dihadapi serta menjadikan pelajar tersebut seseorang yang profesional. Pendidikan etika reka bentuk amatlah membantu pelajar dalam menambah ilmu pengetahuan mengenai aspek – aspek etika yang akan memupuk bakal – bakal graduan agar beretika di dalam program industri kreatif.

Kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk bakat masa depan iaitu dari segi teknik profesional, integrasi, komunikasi, etika, pembelajaran bebas, dan meliputi kerja berpasukan, dan kemampuan berfikir kreatif Lin (2016)<sup>12</sup>, dengan ini membantu pelajar dalam proses berfikir dan mengaplikasikan dalam kehidupan seharian dan juga penyelesaian masalah. Saad (2017)<sup>13</sup>

mendapati, kajian yang dijalankan terhadap pelajar ialah dengan menyatakan etika adalah merupakan aspek yang amat penting dan perlu diajar sepanjang kursus dengan pelbagai cara. Oleh yang demikian itu, individu dapat mengenal pasti cabaran etika, serta boleh menghubungkan dengan teori etika dan serta boleh menghuraikan secara satu persatu penekanan dalam menyelesaikan konflik etika Christensen (2018)<sup>14</sup>. Pendidikan etika reka bentuk yang diterapkan kepada para pelajar dapat diaplikasikan serta dihubungkan dengan kehidupan seharian, secara tidak langsung pendidikan etika reka bentuk dapat melahirkan pelajar - pelajar yang mampu berfikir secara profesional dalam menyelesaikan masalah, maka dengan ini para pelajar dapat mengesan permasalahan etika yang terdapat dalam industri kreatif.

Hal ini demikian kerana, melalui kajian lepas yang telah dijadikan sebagai rujukan. Maka, jelaslah bahawa, pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif adalah merupakan pendidikan yang amat perlu dan penting bagi para pelajar institusi pengajian tinggi bagi program industri kreatif. Hal ini akan mengakibatkan, para pelajar yang telah mempelajari dan menguasai aspek – aspek etika, serta elemen – elemen etika semasa sesi pembelajaran, maka ianya membantu dari segi perilaku para pelajar dalam mengenal pasti aspek – aspek etika serta elemen – elemen yang tidak beretika. Dengan itu, kelemahan terhadap aspek etika yang akan membantu merencatkan proses kelestarian serta keharmonian negara, bakal diatasi dengan adanya pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif di institusi pengajian tinggi di Malaysia dalam program industri kreatif. Pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif ini bakal mencorakan keharmonian serta kelestarian negara hasil daripada pengeluaran graduan – graduan program industri kreatif yang akan menghasikan reka bentuk yang mengikut aspek - aspek etika serta professional dalam penghasilan kerja mereka.

## Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif dan menggunakan kaedah *survey design* iaitu kaedah reka bentuk tinjauan. Kajian ini adalah bertujuan untuk menilai perilaku pelajar terhadap etika reka bentuk dikalangan para pelajar institusi pengajian tinggi. Manakala, pensyarah pula ialah menilai amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh pensyarah terhadap para pelajar dalam memupuk nilai – nilai etika. Seterusnya, profesional industri kreatif pula ialah menilai cabaran yang berkaitan industri kreatif yang dihadapi oleh profesional industri kreatif. Maka para pelajar dan pensyarah serta profesional industri kreatif adalah merupakan responden yang bersesuaian dan penting dalam menganalisis data bagi kajian ini. Oleh demikian, pelajar dan pensyarah serta profesional industri kreatif merupakan unit analisis bagi kajian ini.

*Survey design* atau dikenali sebagai kaedah tinjauan membolehkan pengkaji untuk mengetahui sejauh mana perilaku pelajar terhadap etika reka bentuk. Amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh pendidik institusi pengajian tinggi dalam kalangan pensyarah serta cabaran berkaitan aspek etika yang dihadapi oleh profesional industri kreatif. Melalui kajian *survey design* ini, dapat mengenal pasti mengenai trend, sikap, dari segi pendapat populasi tersebut terhadap sampel kajian dengan mengkaji sampel kajian itu Creswell (2017)<sup>15</sup>. Kajian ini merangkumi tiga kumpulan dan setiap daripada kumpulan tersebut mempunyai sikap yang berbeza iaitu dari segi perilaku, amalan pengajaran dan juga cabaran etika reka bentuk. Setiap data yang diterima dari kalangan responden akan dianalisis terhadap hasilnya dan penilaiannya untuk mengetahui dengan lebih jelas mengenai data yang diterima dalam kalangan para responden.

Bagi pemilihan persampelan, kajian ini menggunakan kaedah *stratified sampling* atau lebih dikenali sebagai sampel berstrata. Fowler (2013)<sup>16</sup> menyatakan mengenai sampel berstrata merupakan sampel dimana terdapatnya dari segi pemilihan ciri – ciri terhadap populasi diketahui terlebih dahulu sebelum membuat pemilihan di dalam kajian ini. Seterusnya, Cresswell (2017)<sup>15</sup> juga menyatakan persampelan berstrata iaitu bermaksud ciri – ciri spesifik terhadap individu itu, sebagai contoh (jantina,pendapatan,pangkat serta pendidikan) dan juga sampel yang mencerminkan di dalam populasi individu dengan mempunyai ciri – ciri tertentu. Sehubungan dengan itu, seperti yang dinyatakan mengenai kaedah *stratified sampling* iaitu, mengenai pemilihan yang mengenal pasti ciri – ciri spesifik persampelan terlebih dahulu sebelum kajian dijalankan. Sehubungan dengan itu, ciri – ciri spesifik bagi persampelan kajian ini adalah merupakan persampelan yang menjerumus kepada bidang industri kreatif terhadap dua institusi pengajian tinggi serta profesional industri kreatif. Bagi persampelan institusi pengajian tinggi, kajian ini menjerumus kepada Universiti A dan Universiti B yang memiliki fakulti industri kreatif yang menepati ciri – ciri yang dikehendaki oleh pengkaji bagi menjalankan kajian ini.


Seterusnya pada kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen borang soal selidik, seperti yang dinyatakan oleh Krosnick (2018)<sup>17</sup> “The heart of a survey is its questionnaire” turut juga dinyatakan oleh Krosnick soal selidik terbahagi kepada dua iaitu “open questionnaire” dan “closed questionnaire” iaitu memerlukan responden daripada kajian akan memilih jawapan daripada set kajian yang disediakan. Maka dengan itu, kajian ini menggunakan soal selidik “closed questionnaire”.

Di samping itu, pembinaan soal selidik ini juga telah disemak dan disahkan oleh tiga pakar menerusi proses validasi. Tiga pakar tersebut adalah merupakan dua pakar dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan seorang pakar dari profesional industri kreatif yang memiliki pengalaman lebih dari 10 tahun di dalam bidang industri kreatif. Pertama ialah, pensyarah Fakulti Seni Komputeran dan Industri Kreatif (FSKIK) iaitu Dr. Nur Syuhada binti Mat Sin pakar program industri kreatif, kedua pula ialah pakar bahasa,moral dan sivik daripada Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK), UPSI, iaitu Profesor Madya Dr. Nadarajan A/L Thambu, manakala ketiga ialah merujuk kepada pakar profesional industri kreatif iaitu Encik Roshfaizal bin Ariffin merupakan profesional industri kreatif yang mempunyai pengalaman lebih dari 10 tahun dalam bidang industri kreatif.

Hazzi (2015)<sup>18</sup> menyatakan, kajian rintis iaitu melibatkan permasalahan terhadap metodologi kuantitatif yang penting (iaitu, terjemahan kembali, data yang hilang, normalitas, dan kebolehpercayaan) yang perlu diambil kira oleh penyelidik semasa menjalankan kajian rintis dan sebelum memulakan yang utama. Seterusnya, ia juga dinyatakan oleh In (2017)<sup>19</sup> kajian rintis adalah penting untuk peningkatan dari segi kualiti dan kecekapan pada kajian utama atau sebenar. Maka dengan itu, kajian rintis telah dijalankan di UPSI, iaitu merangkumi dari segi keseluruhan pensyarah program industri kreatif dan pelajar tahun akhir program industri kreatif. Manakala, bagi profesional industri kreatif pula merangkumi beberapa syarikat industri kreatif di Malaysia.

Hasil kajian rintis yang telah dilakukan didapati *cronbach alpha* bagi pelajar ialah sebanyak 0.9 dan bagi pensyarah pula sebanyak 0.91 manakala bagi profesional industri kreatif pula sebanyak 0.76. Sehubungan dengan itu, melalui hasil yang diperolehi daripada *cronbach alpha* ketiga – tiga kategori responden yang terlibat didapati menunjukkan keputusan dari sudut *validity* (kesahan) dan *realibity* (kebolehpercayaan) yang tinggi terhadap instrumen kajian yang telah dibina iaitu borang soal selidik. Maka kebolehpercayaan serta kesahan terhadap instrumen

borang soal selidik terhadap ketiga – tiga responden mendapati nilai *cronbach alpha* yang dicatatkan adalah tinggi, dan instrumen yang telah dibina bakal digunakan semasa kajian utama atau sebenar akan dijalankan.



Gambarajah 1 Prosedur Kajian

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

Hasil dapatan kajian yang diperolehi akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Socience* (SPSS) yang menggunakan kaedah analisis diskriptif iaitu nilai min.

Jadual 1

*Dapatan ujian analisis pelajar tahun akhir institusi pengajian tinggi program industri kreatif*

	N	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
PE1. Saya mempunyai pengetahuan tentang etika yang baik dalam reka bentuk	164	3.02	.34
PE2. Saya mengetahui tentang etika yang baik dalam reka bentuk	164	3.12	.39
NE1. Saya percaya dalam membuat keputusan mengenai sesuatu reka bentuk yang dibina nilai etika amat penting.	164	3.34	.47
NE2. Semasa saya melaksanakan tugas individu saya menerapkan nilai etika	164	3.14	.35
NE3. Semasa saya melaksanakan tugas berkumpulan saya menerapkan nilai etika.	164	3.14	.35
NE4. Saya mengetahui nilai-nilai murni dari segi menghormati budaya dan agama sesuatu masyarakat.	164	3.29	.45
AE1. Saya mempraktikkan amalan etika semasa menyiapkan tugas.	164	3.19	.39
AE2. Saya mempraktikkan amalan etika dalam mengikuti kursus reka bentuk industri.	164	3.17	.37
KE1. Saya sedar akan kesan reka bentuk yang dicipta kepada manusia sejangat.	164	3.24	.43
KE2. Saya sedar akan kesan reka bentuk yang dicipta terhadap alam sekitar.	164	3.17	.49
KE3. Saya sedar akan kesan reka bentuk yang dicipta terhadap masyarakat sekeliling.	164	3.21	.52
KE4. Saya percaya dalam proses pembinaan semula reka bentuk sensitiviti terhadap keperluan masyarakat amat penting.	164	3.24	.43



Jadual 2

*Analisis diskriptif persoalan kajian 2 terhadap pensyarah institusi pengajian tinggi*

	N	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
PE1. Fakulti saya menawarkan kursus mengenai etika reka bentuk.	108	3.06	1.11
PE2. Dalam setiap semester pengajian kursus etika reka bentuk ditawarkan kepada pelajar kursus reka bentuk industri kreatif	108	2.91	.97
KK1. Saya mendedahkan pelajar saya terhadap etika reka bentuk dalam industri kreatif di dalam kursus yang di ajar	108	3.50	.71
KK2. Pelajar saya dapat memahami konsep etika reka bentuk dalam industri kreatif.	108	3.04	.72
KK3. Pelajar saya mempraktikan nilai etika di dalam kerja kursus yang diberi	108	2.82	.60
AE1.Saya menerapkan amalan etika yang sesuai dengan industri kreatif dalam proses pembelajaran pengajaran kursus ini.	108	3.34	.84
AE2.Amalan etika reka bentuk industri kreatif di praktiskan di dalam kelas.	108	3.19	.75
AE3.Di dalam kelas pelajar mempraktis kemahiran berkomunikasi mengenai permasalahan etika di dalam industri kreatif.	108	2.98	.74

Jadual 3

*Dapatan ujian analisis profesional industri kreatif*

	N	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
PE1. Saya mempunyai keupayaan menggabungkan pendekatan kerja berpasukan dalam menangani isu-isu etika yang wujud dalam pembinaan sesuatu reka bentuk di tempat kerja.	89	3.21	.68
AYD1. Saya dapat mengenal pasti amalan tidak beretika yang dipraktikan di tempat kerja.	89	3.22	.65
AYD2. Saya menggunakan tatakerja yang ditetapkan oleh organisasi ketika membuat keputusan di tempat kerja.	89	3.23	.67


AYD3. Saya sensitif terhadap budaya dan kepentingan agama sesuatu masyarakat di dalam pembinaan reka bentuk saya.	89	3.29	.85
NESK1 .Saya berusaha untuk menjaga nilai-nilai etika semasa bekerja	89	3.53	.56
NESK2.Nilai peribadi saya berteraskan nilai-nilai etika..	89	3.43	.65
NESK3.Dalam membina sesuatu reka bentuk saya berbincang mengenai nilai-nilai etika bersama-sama rakan sekerja..	89	3.21	.74
NESK4 .Dalam mengambil sesuatu keputusan reka bentuk yang dibina saya mengambil kira nilai-nilai etikakemahiran berkomunikasi mengenai permasalahan etika di dalam industri kreatif.	89	3.30	.68
KETK1. Saya prihatin akan kesan buruk yang mungkin wujud terhadap manusia sejagat melalui pembinaan reka bentuk saya.	89	3.34	.72
KETK2. Saya prihatin akan kesan yang buruk terhadap alam sekitar yang mungkin wujud melalui pembinaan reka bentuk saya.	89	3.26	.76

Jadual 4

*Jadual Interpretasi Nilai Min.*

Sangat Tinggi	<b>3.28 – 4.00</b>
Tinggi	<b>2.52 – 3.27</b>
Sederhana	<b>1.76 – 2.51</b>
Rendah	<b>1.00 – 1.75</b>

Jadual interpretasi nilai min, Creswell (2017)<sup>15</sup>, mengikut Creswell berikut adalah skala – skala bagi menilai terhadap nilai min analisis diskriptif yang telah digunakan pada kajian ini untuk menguji kecenderungan pusat item – item yang terdapat pada soal selidik.



Gambarajah 2. Garis Panduan Pendidikan Etika Reka Bentuk Untuk Industri Kreatif

Hasil dapatan persoalan kajian 1, persoalan kajian 2 dan persoalan kajian 3. Melalui analisa dan perbincangan terhadap kesemua komponen. Maka, kesemua komponen yang terdapat pada persoalan kajian mencatatkan bacaan nilai min tinggi dan sangat tinggi pada hasil dapatan kajian. Komponen – komponen ini juga mengandungi item – item soalan yang menjerumus kepada aspek etika terhadap komponen masing - masing yang mencatatkan bacaan nilai min tinggi dan sangat tinggi. Melalui hasil dapatan kajian terhadap kesemua komponen dan item – item , gambarajah2 garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif dibina melalui elemen – elemen yang ada pada setiap komponen serta item yang menunjukkan penerimaan maklum balas yang memberangsangkan dari segi catatan bacaan nilai min tinggi dan sangat tinggi.

Sehubungan dengan itu, dapatan kajian persoalan kajian 1 terhadap item – item seperti ini yang mencatatkan bacaan nilai min tinggi dan sangat tinggi adalah merupakan antara kesan ketara dalam membantu perilaku pelajar terhadap pembinaan perilaku para pelajar mengenai aspek etika seperti dari segi “pengetahuan etika”, “nilai etika” “amalan etika” serta juga “kesan etika” terhadap sesuatu perilaku yang akan diterjemahkan oleh para pelajar. Secara lebih jelasnya, dinyatakan pada item yang mencatatkan dapatan kajian tinggi dan sangat tinggi iaitu dari segi mengetahui etika yang baik dalam reka bentuk, percaya dalam membuat keputusan nilai etika amat penting, mempraktikkan amalan etika, sedar terhadap kesan manusia sejagat, masyarakat dan sensitiviti terhadap masyarakat yang mungkin berlaku.

Maka, jelaslah melalui dapatan kajian persoalan 1 yang diperolehi ianya membantu di dalam proses pembinaan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif pada

*gambarajah2* melalui elemen – elemen yang dinyatakan pada garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif. Elemen – elemen yang dinyatakan pada garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif merujuk kepada, *gambarajah2* yang akan membantu perilaku pelajar agar lebih profesional dan mempunyai nilai aspek yang tinggi sosial, budaya, dan persekitaran. Ianya, terhasil melalui dari segi komponen – komponen seperti proses kreatif etika, reka bentuk bertanggungjawab dan inovasi kemanusiaan.

Pelajar menyatakan, memiliki sikap beretika dan berkelakuan beretika adalah penting serta etika adalah merupakan suatu yang penting untuk inovasi, Tomlin (2017)<sup>2</sup>. Komponen pengetahuan etika, iaitu pada item “saya mengetahui etika yang baik dalam reka bentuk” merupakan item yang menjerumus kepada inovasi kemanusiaan dan proses kreatif etika terhadap sosial, budaya dan persekitaran pada *gambarajah2*. Ianya akan membina jati diri pelajar yang lebih berinovasi terhadap penghasilan reka bentuk yang beretika dan menerapkan aspek – aspek etika pada reka bentuk mereka. Maka, para pelajar akan lebih berinovasi terhadap aspek etika di dalam penghasilan reka bentuk mereka.

Seperti dapat dilihat pada item nilai etika iaitu (NE1) “saya percaya dalam membuat keputusan mengenai sesuatu reka bentuk yang dibina nilai etika amat penting” dan (NE4) “saya mengetahui nilai – nilai murni dari segi menghormati budaya dan agama sesuatu masyarakat” adalah merupakan elemen yang merujuk kepada proses kreatif etika dan reka bentuk bertanggungjawab yang menjerumus kepada sosial, budaya dan persekitaran pada garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif, *gambarajah2*. Nilai – nilai moral yang dipercayai oleh masyarakat akan menentukan etika dan karakter yang dimiliki oleh seseorang, Sultoni (2018)<sup>4</sup>. Maka jelas, dapatan kajian adalah berhubungkait terhadap elemen – elemen tersebut pada garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif yang akan menjerumus kepada reka bentuk mereka terhadap sosial, budaya dan persekitaran pada *gambarajah2*.

Manakala dapatan kajian bagi amalan etika, iaitu item (AE1) dan (AE2) yang menjerumus kepada mempraktikkan amalan etika semasa menyiapkan tugas dan dalam mengikuti kursus reka bentuk industri. Latihan pembelajaran berorientasikan tindakan akan memberikan panduan dalam menyusun strategi untuk mengambil tindakan dalam cabaran dan nilai berdasarkan kekuatan seseorang, yang membantu mengembangkan terhadap keberkesanan Christensen (2018)<sup>14</sup>. Budaya belajar membolehkan mereka merenungkan apa yang telah mereka pelajari, merenungkan idea mereka dan memanfaatkan aktiviti ini untuk mengembangkan kemahiran dan amalan mereka, Huda (2017)<sup>8</sup>. Maka jelas, item ini menghasilkan elemen komponen seperti reka bentuk bertanggungjawab serta inovasi kemanusiaan dari segi elemen sosial, budaya dan persekitaran terhadap garis panduan pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif pada *gambarajah2*.

Komponen terakhir bagi persoalan dapatan kajian 1 iaitu kesan etika, yang merujuk kepada dapatan kajian terhadap kesedaran melalui reka bentuk yang dihasilkan iaitu sedar akan kesan reka bentuk terhadap manusia sejagat, terhadap alam sekitar, terhadap masyarakat dan sensitiviti terhadap keperluan masyarakat. Ianya dapat dilihat, adalah mengenai keperluan untuk memupuk perkembangan etika terhadap pelajar dan kesedaran pada pelajar mengenai kesan terhadap masyarakat dalam pelbagai cara, Polmear (2020)<sup>10</sup>. Jelas menunjukkan kesedaran terhadap kesan reka bentuk yang dicipta memainkan peranan melalui kepentingan aspek – aspek etika.

Seterusnya, dapatan persoalan kajian 2 iaitu amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh pendidik di institusi pengajian tinggi. Melalui persoalan kajian 2 ini, terdapatnya komponen – komponen seperti pendidikan etika, komponen kurikulum dan amalan etika. Maka, kesemua komponen – komponen ini adalah merupakan komponen yang mencatatkan bacaan nilai min tinggi dan sangat tinggi melalui item yang terdapat pada komponen – komponen ini. Jelas dinyatakan terhadap komponen pendidikan etika, pendidikan etika reka bentuk amat dititiberatkan melalui subjek – subjek yang berteraskan aspek etika yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi Uni A (2020)<sup>20</sup>, Uni B (2020)<sup>21</sup>. Selain itu, komponen kurikulum iaitu (KK1) menunjukkan pendedahan tenaga pengajar juga merupakan adalah satu faktor yang penting dalam sesi pembelajaran dan pengajaran terhadap para pelajar. Seterusnya, komponen amalan etika, menerapkan amalan etika yang sesuai dalam proses pembelajaran dan pengajaran adalah merupakan suatu tindakan yang membantu dalam meningkatkan aspek etika dalam diri pelajar. Jelaslah, dapatan persoalan kajian 2, amalan tenaga pengajar dilaksanakan juga memberi implikasi terhadap pembinaan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif.

Maka dengan itu, amalan pengajaran yang dilaksanakan akan menjadi lebih kukuh dengan terbinanya garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif. Iaitu melalui komponen pada garis panduan seperti proses kreatif etika, reka bentuk bertanggungjawab dan inovasi kemanusiaan pada *gambarajah2* yang akan menjadi panduan kepada tenaga pengajar. Jelas bahawa, komponen pada garis panduan ini yang akan membantu amalan tenaga pengajar akan lebih sistematik dan juga berunsurkan aspek etika terhadap etika reka bentuk dari segi penerapan aspek etika yang baik. Etika pengajaran mesti melibatkan penggunaan alat inovatif seperti peta minda, kuiz, kajian kes, peranan terhadap permainan berunsurkan etika, dan penyelidikan, Arfaoui (2016)<sup>22</sup>. Ianya membantu, dalam menghasilkan dan menjana para pelajar yang mempunyai aspek etika yang berteraskan kearah sosial, budaya, dan persekitaran yang menerapkan aspek – aspek etika.

Di samping itu, dapatan persoalan kajian 3, merupakan dapatan yang melengkapkan terhadap garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif. Persoalan kajian 3 iaitu, cabaran yang berkaitan etika reka bentuk yang dihadapi oleh profesional industri kreatif. Komponen pengetahuan etika, amalan etika yang diterapkan, nilai etika semasa kerja dan kesan etika terhadap kelestarian. Komponen pengetahuan etika, mempunyai keupayaan menggabungkan pendekatan kerja berpasukan dalam menangani isu – isu etika. Komponen amalan yang diterapkan, saya sensitif terhadap budaya, kepinginan agama sesuatu masyarakat serta menggunakan tatakerja yang dibenarkan oleh organisasi. Seterusnya, nilai etika semasa kerja iaitu menjaga nilai – nilai etika, nilai peribadi berteraskan nilai etika serta keputusan reka bentuk yang dilakukan mengambil kira nilai etika. Terakhir ialah, kesan etika terhadap kelestarian, prihatin akan kesan buruk terhadap mungkin wujud terhadap manusia sejagat. Dapatan kajian komponen ini, mengukuhkan lagi terhadap garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif. Ianya, membantu dari segi mengetahui cabaran yang dihadapi oleh profesional industri kreatif bagi mengukuhkan aspek – aspek etika terhadap garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif.

Sehubungan dengan itu, cabaran yang berkaitan etika reka bentuk yang dihadapi oleh profesional industri kreatif bakal diatasi dengan adanya garis panduan pendidikan etika ini hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi. Chiang (2018)<sup>23</sup>, masyarakat dianggap sebagai dimensi yang paling signifikan bagi mempraktikkan mengenai reka bentuk grafik. Ianya, membantu dari segi sosial, budaya, dan persekitaran melalui panduan pada garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif, *gambarajah2*. Selain itu, kesemua elemen – elemen yang

dinyatakan pada garis panduan diterjemahkan melalui komponen – komponen seperti proses kreatif etika, reka bentuk bertanggungjawab dan inovasi kemanusiaan yang ada pada garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif pada *gambarajah2*. Kesemua komponen dan elemen garis panduan yang terhasil daripada dapatan kajian yang akan membantu professional industri kreatif dalam menangani cabaran yang dihadapi.

Etika ditetapkan melalui tiga kategori dalam reka bentuk iaitu dari segi teknologi, kelestarian dan tanggungjawab, Chan (2018)<sup>24</sup>. Maka, dapatan kajian komponen – komponen terhadap ketiga – tiga persoalan kajian yang dinyatakan merangkumi seperti yang dinyatakan oleh Chan terhadap etika. Selain itu, ianya juga disokong oleh Balakrishnan (2019)<sup>25</sup> iaitu sesuatu etika reka bentuk amat penting terhadap keseimbangan dari segi kelestarian manusia dan keamanan dunia. Maka, jelaslah dapatan kajian terhadap perilaku pelajar, amalan pengajaran dan cabaran yang berkaitan etika reka bentuk adalah merupakan elemen – elemen yang sesuai pada setiap item dalam garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif bagi kajian ini yang merangkumi dari segi komponen proses kreatif etika, reka bentuk tanggungjawab dan inovasi kemanusiaan serta menghasilkan elemen – elemen seperti sosial, budaya, dan persekitaraan yang merujuk kepada *gambarajah2*.

Dinyatakan oleh Barker (2017)<sup>26</sup> menghargai seni budaya secara tidak langsung membantu dalam meningkatkan kualiti dan juga kesedaran di dalam industri kreatif. Sehubungan dengan itu, kenyataan yang dinyatakan oleh Barker jelas menunjukkan terhadap aspek etika yang perlu ada pada industri kreatif. Pendidikan etika adalah memainkan peranan penting dalam mendidik bakal pereka reka bentuk pada masa hadapan yang dari segi mempunyai pengetahuan etika, memiliki prinsip yang baik serta mempunyai kearifan di dalam menangani permasalahan etika, Balakrishnan (2021)<sup>27</sup>. Dapatan kajian yang diperolehi seiring dengan kenyataan mengenai aspek etika yang perlu ada pada masa kini. Maka jelaslah, pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif merupakan pendidikan yang penting pada masa kini bagi menghargai seni budaya terhadap masyarakat dan manusia sejabat.

Justeru, melalui dapatan kajian serta sokongan yang dinyatakan. Jelaslah, dapatan kajian terhadap ketiga – tiga persoalan kajian membantu dari segi perilaku pelajar, amalan pengajaran serta cabaran yang dihadapi berkaitan terhadap pembinaan garis panduan muktamad kajian iaitu garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif. Perilaku pelajar akan lebih bertambah baik terhadap aspek etika yang akan menjadikan para pelajar beretika dalam penghasilan reka bentuk mereka. Manakala, bagi amalan pengajaran pula, jelas ianya membantu dalam mencorakkan sistem pendidikan di Malaysia terhadap program industri kreatif lebih menarik dan dipandang tinggi dengan adanya amalan pengajaran yang berteraskan sepenuhnya mengenai pendidikan etika. Bagi profesional industri kreatif pula, ianya mengetahui terhadap cabaran yang dihadapi oleh profesional industri kreatif bagi mengetahui terhadap aspek etika yang dihadapi oleh mereka.

Sehubungan dengan itu, terbinanya garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif yang merangkumi terhadap komponen dan elemen – elemen yang bersesuaian dalam mengemukakan garis panduan pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif melalui dapatan kajian. Maka, jelaslah pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif adalah merupakan pendidikan yang perlu pada generasi kini bagi melahirkan para pelajar serta masyarakat yang mempunyai nilai – nilai aspek etika dalam menjaga kelestarian dunia dan manusia sejabat. Ianya dapat dilihat pada elemen – elemen yang menekankan terhadap nilai – nilai

etika dari segi sosial, budaya, dan persekitaran pada garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif, *gambarajah2*. Jelaslah bahawa elemen – elemen tersebut adalah elemen – elemen yang merangkumi terhadap nilai – nilai aspek etika yang perlu dititikberatkan melalui pendidikan etika iaitu pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif.

## Kesimpulan

Berdasarkan teori kajian, kajian – kajian lampau, hasil dapatan kajian daripada para pelajar, pensyarah, profesional industri kreatif dan juga garis panduan muktamad kajian yang dibina. Bahawasanya, pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif adalah merupakan pendidikan yang perlu bagi program industri kreatif dalam melahirkan para pelajar yang memiliki aspek – aspek etika yang bakal mencorakan profesional industri kreatif kearah lebih baik dan beretika iaitu dengan melalui amalan pengajaran yang berteraskan pendidikan etika di peringkat universiti di institusi pengajian tinggi Malaysia.

Sehubungan dengan itu, jelaslah melalui dapatan hasil kajian soalan 1 iaitu “apakah perilaku pelajar terhadap etika reka bentuk mengenai etika dalam kalangan pelajar program industri kreatif di institusi pengajian tinggi” adalah merupakan persoalan bagi mengetahui terhadap tahap pengetahuan etika, amalan etika, nilai etika serta kesan etika yang ada pada diri pelajar. Melalui persoalan ini, dapat dikenal pasti perilaku para pelajar bagi kedua – dua universiti terhadap aspek etika bagi program industri kreatif. Jelas menunjukkan perilaku pelajar adalah merupakan peranan penting dalam membina dan mengemukakan cadangan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif.

Di samping itu, tenaga pengajar juga merupakan tunjang penting bagi melahirkan perilaku para pelajar yang memiliki aspek etika. Maka, persoalan kajian 2 “apakah amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh pendidik di institusi pengajian tinggi mengenai etika reka bentuk dalam kalangan pelajar program industri kreatif di institusi pengajian tinggi” juga merupakan soalan-soalan yang ingin mengetahui dari segi terhadap pendidikan etika, komponen kurikulum serta amalan etika yang dilaksanakan oleh pendidik di institusi pengajian tinggi. Jelas menunjukkan amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh pendidik juga mempengaruhi perilaku para pelajar dalam menitikberatkan aspek etika serta menyematkan aspek etika pada diri mereka.

Seterusnya, persoalan kajian 3 yang menjerumus kepada profesional industri kreatif iaitu “apakah cabaran yang berkaitan etika reka bentuk yang dihadapi oleh profesional industri kreatif dalam bidang industri kreatif” menunjukkan respon maklum balas yang memberangsangkan iaitu dari segi nilai bacaan min tinggi dan sangat tinggi. Iaitu pada pengetahuan etika, amalan etika yang diterapkan, nilai etika semasa kerja dan kesan etika terhadap kelestarian. Maka, melalui persoalan ini dapat mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh profesional industri kreatif dan cara mereka menangani permasalahan isu etika ini.

Jelaslah, ketiga – tiga persoalan kajian yang dinyatakan mempunyai kesinambungan serta hubungkait dalam membentuk garis panduan muktamad kajian terhadap garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif di institusi pengajian tinggi yang dinyatakan pada *gambarajah2*. Ianya amat jelas kesinambungan di antara cabaran yang dihadapi oleh profesional yang dikenal pasti, seterusnya, tenaga pengajar membentuk amalan pengajaran yang menerapkan

aspek etika dan terlahirlah para pelajar yang mempunyai perilaku yang beretika pada masa akan datang.

Sehubungan dengan itu, terbinanya garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif melalui ketiga – tiga dapatan kajian soalan, kajian lampau dan juga teori yang digunakan. Garis panduan ini bagi mengemukakan cadangan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif. Melalui elemen – elemen hasil daripada dapatan kajian inilah yang mengukuhkan terhadap garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif bagi institusi pengajian tinggi.

Dapat dilihat disini, secara amnya terhadap pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif adalah merupakan pendidikan yang perlu dan amat penting bagi program industri kreatif dalam melahirkan para pelajar yang bijak menangani aspek etika dan mempunyai nilai terhadap aspek etika. Serta membantu tenaga pengajar dalam mengukuhkan dari segi amalan pengajaran mereka terhadap isu – isu etika yang bakal dihadapi. Profesional industri kreatif pula, cabaran yang dihadapi oleh mereka akan dapat dikekang hasil terlahirnya para pelajar yang mempunyai jati diri dan nilai diri terhadap aspek etika. Pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif ini adalah merupakan pendidikan paling penting terhadap program industri kreatif bagi melahirkan para pengkarya yang hanya bukan sekadar handal dan kreatif dalam bidang industri kreatif tetapi juga mempunyai nilai jati diri terhadap aspek etika.

## Rujukan

1. Ferrell, O. C., Fraedrich, J., & Ferrell, L. (2013). *Business ethics: Ethical decision making and cases* (9th ed.). Mason, OH: South-Western Cengage Learning
2. Tomlin, K. A., Metzger, M. L., Bradley-Geist, J., & Gonzalez-Padron, T. (2017).
3. Jonas, W. (2015). A special moral code for design? *Design and Ethics*, 1.
4. Sultoni, S., Gunawan, I., & Sari, D. N. (2018). Pengaruh Etika Profesional Terhadap Pembentukan Karakter Mahasiswa. *JAMP: Jurnal Administrasi dan Manajemen Pendidikan*, 1(3), 279-283.
5. Chugh, D., & Bazerman, M. H. (2007). Bounded awareness: What you fail to see can hurt you. *Mind & Society*, 6, 1-18.
6. Tenbrunsel, A. E., & Smith-Crowe, K. (2008). Ethical decision making: Where we've been and where we're going. *Academy of Management Annals*, 2, 545-607
7. Aasheim, C. L., Rutner, P. S., Li, L., & Williams, S. R. (2012). Plagiarism and programming: A survey of student attitudes. *Journal of information systems education*, 23(3), 297-314.
8. Huda, M., Sabani, N., Shahrill, M., Jasmi, K. A., Basiron, B., & Mustari, M. I. (2017). Empowering learning culture as student identity construction in higher education. In *Student Culture and Identity in Higher Education* (pp. 160-179).
9. Ferguson, M. (2014). Knowledge exchange between universities and the creative industries in the UK: A case study of current practice. *Industry and Higher Education*, 28(3), 177-183
10. Polmear, M., & PE, A. R. B. Student Perceptions of an Ethics Intervention: Exploration Across Three Course Types.



11. Tahalele, Y. K. S. (2020). The Significant of Fashion Ethics Education on Young Fashion Designers and Entrepreneurs. *Humaniora*, 11(2).
12. Lin, C. S., & Wu, R. Y. W. (2016). Effects of web-based creative thinking teaching on students' creativity and learning outcome. *EURASIA Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 12(6), 1675-1684.
13. Saad, T. C., Riley, S., & Hain, R. (2017). A medical curriculum in transition: audit and student perspective of undergraduate teaching of ethics and professionalism. *Journal of Medical Ethics*, 43(11), 766-770.
14. Christensen, A., Cote, J., & Latham, C. K. (2018). Developing ethical confidence: The impact of action-oriented ethics instruction in an accounting curriculum. *Journal of Business Ethics*, 153(4), 1157-1175
15. Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage publications.
16. Fowler Jr, F. J. (2013). *Survey research methods*. Center of Survey Research, Universities of Massachusetts Boston, Sage publications.
17. Krosnick, J. A. (2018). Questionnaire design. In *The Palgrave handbook of survey research* (pp. 439-455). Palgrave Macmillan, Cham.
18. Hazzi, O., & Maldaon, I. (2015). A pilot study: Vital methodological issues. *Business: Theory and Practice*, 16(1), 53-62
19. In, Junyong. (2017). Introduction of a pilot study. *Korean Journal of Anesthesiology*. 70. 601. 10.4097/kjae.2017.70.6.601.
20. <https://www.uniA.edu.my/> moe registration certification no: du001(b). © 2020 multimedia university. all rights reserved
21. <https://www.uniB.edu.my/> moe registration certification no: du001(b). © 2019 Universiti Tunku Abdul Rahman. all rights reserved.
22. Arfaoui, F., Damak-Ayadi, S., Ghram, R., & Bouchekoua, A. (2016). Ethics education and accounting students' level of moral development: Experimental design in Tunisian audit context. *Journal of business ethics*, 138(1), 161-173.
23. Chiang, W. S., bin Idris, M. Z., & Chuen, T. W. (2018). What Makes An Undergraduate Graphic Design Education Valuable?. *Journal of Education and Social Sciences*, 11(1), 73-82.
24. Chan, J. K. (2018). Design ethics: Reflecting on the ethical dimensions of technology, sustainability, and responsibility in the Anthropocene. *Design Studies*, 54, 184-200.
25. Balakrishnan, B., Tochinai, F., & Kanemitsu, H. (2019). Engineering ethics education: A comparative study of Japan and Malaysia. *Science and engineering ethics*, 25(4), 1069-1083
26. Barker, T., & Beng, L. Y. (2017). Making creative industries policy: The Malaysian case. *Kajian Malaysia*, 35(2), 21-37.
27. Balakrishnan, B., Tochinai, F., Kanemitsu, H., Abdullah, M. F., & Indartono, S. (2021). Belief and Intention towards Design Ethics among Design Undergraduates in Malaysian Higher Education Institutions. *Высшее образование в России*, 30(3), 76-86.